

Headline	Realisasi Asean berteraskan rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	12	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	301 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,826
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,477



Realisasi Asean berteraskan rakyat

KUALA LUMPUR - Malaysia, yang bakal mem-pengerusikan Asean pada 2015, akan berusaha bagi me-mastikan kewujudan 'Asean berteraskan rakyat' pada 2015 yang menyaksikan lebih ba-nyak penglibatan langsung se-mua sektor masyarakat dalam kegiatan Asean, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, tema yang dipilih akan menjadi instrumen lebih tajam untuk merealisasikan impian rakyat bagi tadbir urus yang lebih efektif dan responsif; standard kehidupan yang lebih baik; pengukuhan perlindungan alam sekitar; memperkasa wanita dan pe-luang lebih besar bagi semua.

"Asean tidak akan lagi menjadi medan kumpulan elit dan pakar semata-mata. Sebuah komuniti Asean yang berteraskan rakyat akan benar-benar menjadikan 'Sebuah Asean Untuk Semua,'"katanya dalam ucap-tama di Kolokium Kebangsaan mengenai Kepengerusian Asean 2015 di sini, semalam.

Najib mengakui bahawa desakan bagi pendemokrasi-an dan tadbir urus lebih efektif bukan semata-mata dorong-

an untuk mencapai matla-mat, kerana ia juga melibat-kan kepentingan politik dan ekonomi.

Beliau berkata, penglibat-an semua sektor masyarakat dalam penggubalan dan pe-laksanaan perjanjian Asean akan lebih mencerminkan ten-tang keperluan mereka.

"Saya percaya hanya de-ngan peningkatan penglibat-an langsung rakyat Asean yang akan benar-benar meningkat-kan integrasi serantau.

"Kita mahu membina se-buah Asean yang mencerminkan impian rakyat sendiri, yang selesa dengan dirinya, dan ber-seedia untuk menyumbang se-cara positif terhadap hal ehwal global," katanya.

Untuk membolehkan berbuat demikian, Najib ber-kata, institusi Asean, termasuk Sekretariat Asean haruslah di-biayai dan mendapat sumber sewajarnya.

Buat masa ini, katanya, setiap negara anggota me-nyumbang AS\$1.7 juta bagi pengurusan sekretariat itu.

Bagaimanapun me-mandangkan sumbangan kewangan adalah sensitif, Najib mencadangkan daripa-da semua negara anggota me-

nyumbang jumlah yang sama, mereka sepatutnya bersetuju terhadap kadar sumbangan minimum bersama.

Negara-negara yang se-cara sukarela mahu me-nyumbang lebih, akan di-galakkan berbuat demikian, katanya, sambil menambah

bahawa untuk memudahkan pengiraan dana, negara-nega-ra berkenaan juga digalakkan untuk membuat sumbangan tambahandalam jangka tem-poh yang ditetapkan seperti tiga dan lima tahun, berbanding memberi sumbangan secara tahunan.

"Pembiayaan dan pe-nyumberan Asean akan men-jadi satu daripada bidang fo-kus utama Malaysia. Malaysia akan terus berusaha dengan negara anggota lain tentang isu penting ini," katanya sam-bil menambah institusi Asean yang kukuh, mantap dan efi-sien akan juga menjadi ke-utamaan Malaysia.

Kolokium tiga hari itu adalah anjuran bersama Kementerian Luar, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, Universiti Teknologi Mara dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa.

- Bernama



Najib dan Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainuddin ketika sesi dialog Kolokium Kebangsaan mengenai Kepengerusian Asean 2015, semalam.